

## KERATAN AKHBAR

TARIKH : 7 JULAI 2023

AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 13

### Tambah inisiatif tangani isu kos sara hidup

## Tambah inisiatif tangani isu kos sara hidup

Khairunnisa  
Yussof  
dan Siti Musliha  
Mohd Idris  
Universiti Teknologi  
MARA, Melaka


**Kebelakangan** ini hampir saban hari kita mendengar keluhan orang ramai mengenai peningkatan kos sara hidup. Bermula dengan keperluan barang basah sehingga tarif elektrik hampir semuanya meningkat hingga memeningkan kepala.

Peningkatan kos sara hidup ini berlaku selari dengan meningkatnya inflasi negara. Ia sesuatu yang sudah disebut oleh ramai pakar ekonomi sebelum ini namun itu tidak bermakna kesannya boleh ditangani dengan baik.

Bagi sesetengah orang, peningkatan kos sara hidup yang berlaku sekarang menyebabkan tekanan dari pelbagai segi. Memang tidak dinafikan ramai orang sudah mula berjimat dalam perbelanjaan harian. Mereka mula mengurangkan pembelian serta mengamalkan langkah berjimat cermat.

Antara langkah jimat cermat yang biasa dilakukan ialah dengan mengurangkan tabiat membeli makanan dari luar dengan memilih memasak sendiri. Begitu juga dengan mengurangkan perbelanjaan yang berbentuk kehendak seperti baju, tudung, kasut atau kereta baharu. Malah, dari segi penggunaan elektrik juga banyak kaedah mula dipraktikkan.

Namun dalam pada sebahagian kita melakukan langkah penjimatkan rupanya ia memberi kesan kepada segelintir yang lain. Misalnya, terdapat sebahagian peniaga kecil terpaksa menutup perni-



Kenaikan harga barang keperluan jejas kehidupan rakyat terutama golongan berpendapatan rendah.

(Foto hisaan)

agaan mereka kerana tidak mendapat sambutan. Makanan yang dijual tidak laku malah gagal untuk mendapat modal pusingan bagi meneruskan perniagaan.

Hal ini tentu sahaja mendukacitakan. Apatah lagi sebahagian mereka baru sahaja menarik nafas lega sesudah hampir dua tahun terjejas dengan penularan COVID-19. Justeru, ramai yang dalam keadaan sudah jatuh ditimpa tangga, baru sahaja hendak menarik nafas lega, tetapi keadaan hampir sama berulang semula.

Justeru, ada yang tidak tahu di mana hendak mendapatkan bantuan meneruskan hidup akhirnya terpaksa berhutang dengan ceti haram. Kehilangan, ramai yang berhadapan masalah tekanan emosi malah ada juga hidup kais pagi makan pagi.

Dalam hal ini kita berharap kerajaan lebih prihatin dengan kebaikan rakyat: Banyak usaha perlu dilakukan oleh barisan pemimpin hari ini untuk memperkenalkan pelbagai inisiatif dan langkah pemuliharaan untuk membantu rakyat.

Mereka perlu bertanggungjawab dan bekerja untuk rakyat bagi mewujudkan juga menjamin kestabilan penjanjana pendapatan rakyat selain membantu golongan yang terjejas pendapatan. Pandanglah ke bawah lihat kesengsaraan sesetengah masyarakat dan berilah bantuan serta sokongan selayaknya kepada yang berkeperluan.